

27 MAY 2000

GPMS-Kaji

KERAJAAN DISARAN KAJI WAKTU BELAJAR MATA PELAJARAN AGAMA

KUALA TERENGGANU, 27 Mei (Bernama) -- Kerajaan disaran membuat kajian supaya waktu belajar untuk mata pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah ditambah bagi meningkatkan kesedaran mengenai agama Islam kepada pelajar.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad berkata perkara itu penting kerana ia menjadi asas bagi menangani masalah gejala sosial di kalangan pelajar.

Sambil menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mahu pindaan dilakukan terhadap kurikulum agama di sekolah-sekolah, beliau berkata perkara itu perlu diberikan perhatian oleh kerajaan.

"GPMS menyokong penuh saranan Perdana Menteri itu dan berharap ia akan menjadi titik permulaan ke arah membentuk generasi pelajar yang mempunyai peribadi Islam sebenar," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata pindaan itu perlu memandangkan pendidikan agama di sekolah-sekolah sehingga kini tidak berjaya membentuk pelajar sebagai orang yang berpegang kepada nilai-nilai mulia seperti yang dituntut oleh Islam.

Syed Anuar bagaimanapun berkata pihak berkenaan perlu mendapatkan pandangan daripada pakar perundangan dan cendekiawan Islam sebelum membentuk kurikulum baru itu bagi menentukan sukatan yang lebih sesuai.

Beliau turut meminta kerajaan mewajibkan penggunaan tulisan jawi ketika menjawab soalan mata pelajaran agama Islam dalam peperiksaan melalui sukatan baru itu nanti.

"Pada masa ini, pelajar diberikan pilihan sama ada untuk menjawab dalam tulisan jawi atau rumi bagi mata pelajaran agama Islam dan perkara itu sepatutnya dikaji semula," katanya.

Menurut beliau, langkah itu tentunya akan memudahkan matlamat kerajaan untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan dalam agama Islam tercapai memandangkan tulisan jawi sangat berkait rapat dengan Al-Quran.

Beliau yakin kerajaan mampu melaksanakan tanggungjawab itu demi mengembalikan nilai-nilai mulia yang berteraskan Islam terhadap para pelajar masa kini.

-- BERNAMA

AYB PR